

PERLINDUNGAN TERHADAP KANAK-KANAK YANG BERKONFLIK DENGAN UNDANG-UNDANG: KAJIAN TERHADAP PERANAN PENASIHAT MAHKAMAH BAGI KANAK-KANAK

Norazla Abdul Wahab
norazla@kuis.edu.my

Nur Zulfah Md Abdul Salam
nurzulfah@kuis.edu.my

Hammad Mohamad Dahalan
hammad@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan peruntukan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak 2001. Ia merangkumi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang yang akan diadili di dalam Mahkamah bagi Kanak-kanak di Malaysia (MBKK). Dalam komposisi MBKK, selain Majistret yang berfungsi untuk memberikan perintah kepada pesalah kanak-kanak, terdapat dua orang Penasihat Mahkamah yang berperanan untuk menasihati majistret dalam memberikan perintah kepada pesalah kanak-kanak dan jika perlu menasihati ibu bapa/ penjaga kanak-kanak tersebut. Namun tidak ada mekanisme yang jelas bagaimana Penasihat MBKK ini berperanan di MBKK selain yang dinyatakan di dalam Sekyen 11 Akta Kanak-kanak 2001 (AKK 2001) yang merupakan satu-satunya peruntukan berkaitan Penasihat Mahkamah di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk perlindungan undang-undang yang diberikan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dan bagaimana Penasihat MBKK melindungi kanak-kanak tersebut tersebut. Analisis akan dibuat terhadap polisi, akta dan instrument antarabangsa yang berkaitan selain temubual separa struktur dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang adalah dilindungi oleh undang-undang seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kanak-kanak 2001. Penubuhan MBKK umpamanya telah menambahbaik aspek perlindungan melibatkan pesalah kanak-kanak dengan menekankan pemberian perintah yang bertujuan untuk memulihkan pesalah, kerahsiaan identiti pesalah, tatacara prosiding kes dan mahkamah mesra kanak-kanak. Malah Penasihat MBKK adalah berperanan dalam membantu majistret di MBKK sekaligus melindungi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang di Mahkamah. Namun beberapa penambahbaikan perlu dilakukan bagi membantu meningkatkan professionalism PMBKK.

Kata kunci: *Kanak-kanak, Mahkamah bagi Kanak-kanak, Perlindungan, Pesalah kanak-kanak, Sistem Keadilan Jenayah.*

PENGENALAN

Akta kanak-kanak 2001 (AKK 2001) telah mengkategorikan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan seperti kanak-kanak yang memerlukan jagaan dan perlindungan (s. 17 AKK 2001), kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan (s. 38 AKK 2001), kanak-kanak yang di luar kawalan (s. 46 AKK 2001), kanak-kanak yang dilarikan dan diperdagangkan (Bahagian VIII, AKK 2001) dan kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah (Bab 2, Bahagian IX hingga Bahagian X, AKK 2001) (Noor Aziah Mohd Awal, 2009). Namun di dalam artikel ini, skop perbincangan adalah berkaitan dengan perlindungan yang diberikan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang atau melakukan kesalahan jenayah. Setiap kanak-kanak patut dilindungi dan dilayan dengan adil walaupun pada ketika mereka didapati telah melakukan kesalahan jenayah (Wafa, 2018). Ini bertepatan dengan Artikel 40 dan 37 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (KHKK) mengenai pentadbiran keadilan juvana serta perihal berkaitan penyeksaan dan pelucuthakkan kebebasan pesalah kanak-kanak.

Bagi tujuan tersebut, Mahkamah Bagi Kanak–Kanak (MBKK) telah ditubuhkan bagi membicarakan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak iaitu seseorang yang berumur bawah 18 tahun seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001. Penubuhan MBKK ini adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan undang-undang terhadap kanak-kanak sama ada mereka dihadapkan di Mahkamah sebagai pesalah atau mangsa kepada perlakuan jenayah orang lain (Farah Nini Dasuki, 2007). Bahagian IV dan X Akta Kanak-kanak 2001 umpamanya telah memperuntukkan berkaitan MBKK dan tatacara jenayah di MBKK yang melibatkan proses pertuduhan, jaminan, perbicaraan dan perintah kepada pesalah kanak-kanak. Ini menunjukkan penubuhan mahkamah ini amat signifikan dalam melindungi kanak-kanak daripada didiskriminasi (Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007) atau menjadi mangsa dalam sistem keadilan jenayah sedia ada.

Dalam komposisi MBKK, selain Majistret yang berfungsi untuk memberikan perintah kepada pesalah kanak-kanak, terdapat dua orang Penasihat Mahkamah yang akan membantu Majistret bagi tujuan tersebut seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 11(2) AKK 2001. Kehadiran Penasihat MBKK ini adalah diwajibkan bagi membolehkan MBKK menjalankan fungsinya memberikan perintah yang sesuai kepada pesalah kanak-kanak. Walaubagaimana pun, peruntukan seksyen 11 AKK 2001 tersebut adalah terlalu umum dan merupakan satu-satunya peruntukan berkaitan Penasihat MBKK. Tidak ada peruntukan undang-undang lain, peraturan-peraturan berkaitan atau sebarang garis panduan yang menyentuh mekanisme pelaksanaan tugas dan perlantikan Penasihat MBKK sebagaimana yang diperuntukkan untuk pegawai pelindung, pegawai akhlak atau pembantu pegawai pelindung. Pelantikan, fungsi, mekanisme pelaksanaan tugas dan latihan pegawai pelindung, pegawai akhlak dan pembantu pelindung umpamanya ada diperuntukkan di dalam Bahagian III, AKK 2001, Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009 dan Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk perlindungan undang-undang yang diberikan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dan bagaimana Penasihat MBKK yang merupakan salah satu pihak yang terlibat di dalam prosiding boleh berperanan melindungi kanak-kanak ini.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan serta temubual. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap jurnal akademik dan beberapa dokumen perundangan seperti Akta Kanak-kanak 2001, Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017, Akta Mahkamah Keadilan 1964 dan Akta Mahkamah Juvana 1947. Temubual separa struktur turut dijalankan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu pihak yang terlibat secara langsung dengan PMBKK. Ini bagi mendapatkan maklumat berkaitan bidang kuasa dan mekanisme pelaksanaan tugas, perlantikan serta latihan Penasihat MBKK yang kebanyakannya tidak dapat diperolehi di dalam dokumen-dokumen perundangan tersebut.

PERBINCANGAN

Mahkamah Bagi Kanak-kanak Sebagai *parens patriae*

Penubuhan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) bermula dengan penubuhan Mahkamah Juvana (Farah Nini Dasuki, 2007 & Aminuddin Mustafa, 2016) melalui Ordinan Mahkamah Juvana 1947 iaitu bagi membicarakan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak dan orang muda. Seksyen 2 Ordinan Mahkamah Juvana 1947 telah mentakrifkan orang muda sebagai seseorang yang telah mencapai umur 14 tahun dan di bawah 18 tahun. Manakala seorang kanak-kanak ialah seseorang yang berumur bawah 18 tahun menurut seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001.

Kewujudan sistem mahkamah berasingan untuk kanak-kanak menggambarkan bahawa sistem keadilan jenayah mengiktiraf keperluan untuk memberikan perhatian kepada tahap kematangan dan perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak dalam pelaksanaan undang-undang (Farah Nini Dasuki, 2007 & Aminuddin Mustafa, 2016) selain kedudukan kanak-kanak itu sendiri yang mempunyai keperluan-keperluan istimewa yang berbeza dari orang dewasa sama ada mereka dihadapkan di Mahkamah sebagai pesalah atau mangsa kepada perlakuan jenayah orang lain (Farah Nini Dasuki, 2007). MBKK secara asanya adalah berlandaskan dua prinsip utama iaitu kanak-kanak adalah belum bersedia untuk diisytiharkan bertanggungjawab untuk tindakan-tindakan mereka kerana mereka masih belum membesar sepenuhnya serta berpotensi untuk dipulihkan dan berupaya menginsafi kesalahan dengan lebih mudah berbanding orang dewasa (Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007).

Selain itu, MBKK adalah diiktiraf sebagai *parens patriae* dalam memberi jaminan keselamatan serta perlindungan yang sewajarnya terhadap kanak-kanak seperti mana mereka berada di bawah jagaan ibu bapa mereka setelah mereka dipindahkan daripada kawalan ibu bapa mereka (Wafa, 2018). MBKK akan mengambil tanggungjawab penjagaan terhadap kanak-kanak yang memerlukan pengadilan dengan memastikan kawalan dan disiplin yang diperlukan oleh seorang kanak-kanak dapat diberikan seperti mana penjagaan yang diberikan oleh ibu bapa asal (Farah Nini Dasuki, 2007). Malah mahkamah ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk memahami, melindungi dan membantu kanak-kanak dan remaja yang tidak bernasib baik serta tidak semata-mata menghukum mereka (Jaafar Abdul Wahid, 1978).

Perlindungan Undang-undang Terhadap Kanak-Kanak Yang Berkonflik Dengan Undang-Undang: Praktis di MBKK

Bidang kuasa MBKK

Seksyen 11 Akta Kanak-kanak 2001 (AKK 2001) menjelaskan bahawa MBKK berperanan untuk mendengar kes-kes berkaitan dengan kanak-kanak seperti berikut:

11. Penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-kanak

(1) Mahkamah yang ditubuhkan mengikut akta ini dan bersidang bagi maksud

(a) mendengar, memutuskan atau mebereskan apa-apa pertuduhan terhadap seseorang kanak kanak; atau

(b) menjalankan apa-apa bidangkuasa lain yang diberikan atau yang akan diberikan kepada Mahkamah Bagi Kanak- Kanak oleh atau di bawah Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain,

hendaklah dikenali sebagai “Mahkamah Bagi Kanak-Kanak”

Ini menjelaskan bahawa MBKK dipertanggungjawabkan untuk membicarakan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun (Yusramizza & Anis Shuhaiza , 2007).). Namun bagi kes-kes jenayah yang melibatkan kanak-kanak, mahkamah ini hanya akan bersidang dan mendengar kes yang melibatkan kanak-kanak yang berumur 10 tahun ke atas (Yusramizza & Anis Shuhaiza , 2007). Ini kerana Seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 dengan jelas mendefinisikan kanak-kanak berhubung dengan prosiding jenayah sebagai seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan.

Seksyen 82 Kanun Keseksaan menjelaskan bahawa seorang kanak-kanak hanya boleh dipertanggungjawabkan ke atas perbuatan jenayah apabila berumur sepuluh tahun ke atas. Ini bermakna kanak-kanak yang berumur bawah sepuluh tahun akan dilepaskan sepenuhnya dari tanggungjawab jenayah (Anita Abdul Rahim, 2012). Selain itu, seksyen 83 turut menjelaskan bahawa seorang kanak-kanak yang berumur sepuluh hingga dua belas tahun hanya akan dipertanggungjawabkan ke atas perbuatan jenayah sekiranya dapat dibuktikan kepada mahkamah bahawa kanak-kanak tersebut berkeupayaan melakukan jenayah (Aminuddin Mustaffa, 2016). Seksyen 105 Akta Keterangan 1950 meletakkan beban pembuktian tersebut kepada pihak pembelaan untuk membuktikan bahawa seorang kanak-kanak tidak berupaya untuk melakukan jenayah (Aminuddin Mustaffa, 2016).

Namun begitu, Mahkamah Kanak-kanak tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes-kes yang boleh membawa hukuman mati (seksyen 11(5) Akta Kanak-kanak) seperti membunuh, mengedar dadah, memiliki senjata api dan sebagainya. Begitu juga dengan kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak bersama dengan orang dewasa (seksyen 83(4) Akta Kanak-kanak), contohnya, merompak, membunuh, merogol dan sebagainya bersama-sama dengan tertuduh dewasa. Bagi kes-kes sedemikian, pesalah kanak-kanak akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi. (Sarirah Che Rose, 2011). Malah MBKK juga tidak mempunyai bidangkuasa membicarakan kes-kes jenayah kanak-kanak yang didakwa bersama orang yang berumur dewasa (Yusramizza & Anis Shuhaiza , 2007). Ini berdasarkan seksyen 83(4) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan bahawa perbicaraan bagi kes pendakwaan tersebut akan dijalankan di Mahkamah lain berdasarkan jenis kes pendakwaan yang ada.

Kesimpulannya, mahkamah ini mempunyai bidangkuasa sivil dan jenayah seperti yang diperuntukkan di dalam AKK 2001 (Farah Nini Dasuki, 2007). Seksyen 11(5) AKK 2001 memperuntukkan bidang kuasa jenayah MBKK bagi mengadili semua kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak selain daripada kes yang membawa kepada hukuman mati (Aminuddin Mustafa, 2016; Farah Nini Dasuki, 2007) seperti membunuh, mengedar dadah, memiliki senjata api dan sebagainya (Sarirah Che Rose, 2011). Selain itu, MBKK turut mempunyai bidang kuasa untuk mendengar semua permohonan berkaitan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak tersebut (Farah Nini Dasuki, 2007).

Mahkamah Berasingan dan Tertutup

Dari segi kedudukan fizikal mahkamah, mahkamah hendaklah bersidang sama ada di dalam sebuah bangunan atau bilik yang berlainan daripada bangunan atau bilik persidangan mahkamah lain atau pada hari-hari yang berlainan daripada hari-hari persidangan Mahkamah-Mahkamah yang lain itu diadakan (Farah Nini Dasuki, 2007; Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007) serta mewujudkan persekitaran yang mesra kanak-kanak. Seksyen 12 (2) AKK 2001 memperuntukkan bahawa jika sesuatu MBKK bersidang di dalam bangunan yang sama dengan Mahkamah-Mahkamah yang lain, MBKK tersebut hendaklah mempunyai pintu masuk dan pintu keluar yang berlainan daripada pintu masuk dan pintu keluar Mahkamah-Mahkamah yang lain itu bagi membolehkan kanak-kanak dibawa ke dan dari Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu tanpa gangguan (Farah Nini Dasuki, 2007).

Bagi mewujudkan suasana lebih mesra kanak-kanak, Mahkamah disarankan untuk menyediakan suasana perbicaraan yang lebih mesra seperti duduk di tingkat yang sama seperti kanak-kanak, dan bukan di tempat tinggi seperti kebiasaan (Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007). Terdapat juga Majistret mengadakan pengakuan bersalah oleh kanak-kanak secara tidak rasmi di *Chambers* mereka, dan bukannya di ruang sidang yang formal. Ini membuatkan kanak-kanak dan pihak terlibat akan berasa lebih santai dan dapat mengekspresikan diri dengan lebih bebas (Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007). **W a l a u b a g a i m a n a p u n**, amalan-amalan ini adalah mengikut budi bicara Majistret dan tidak terdapat apa-apa arahan amalan yang mewajibkan Majistret untuk mematuhi (UNICEF, 2013). Namun sebaiknya praktis sebegini hendaklah dimasukkan di dalam arahan amalan atau pekeliling bagi Majistret MBKK untuk mewujudkan suasana lebih mesra kanak-kanak di MBKK.

Selain itu, Mahkamah Kanak-kanak adalah bersifat tertutup (Aminuddin Mustafa, 2016). Seksyen 12(3) AKK 2001 menjelaskan hanya ahli dan pegawai MBKK, kanak-kanak yang menjadi pihak di dalam sesuatu kes, ibu bapa kanak-kanak, penjaga, peguam, saksi serta mana-mana individu berkaitan yang ditentukan oleh Mahkamah sahaja yang dibenarkan untuk menghadiri prosiding kes di Mahkamah. Seksyen 15 AKK2001 juga melarang media daripada membuat sebarang penerbitan mengenai nama, alamat, gambar atau mana-mana maklumat yang boleh membawa kepada pengenalan kanak-kanak tersebut (Aminuddin Mustafa, 2016). Ini bertujuan untuk memelihara maruah kanak-kanak tersebut selain mengelakkan rasa rendah diri (Farah Nini Dasuki, 2007) dan dipandang serong oleh masyarakat.

Tatacara Prosiding kes di Mahkamah

Seorang kanak-kanak yang dikatakan terlibat dengan kesalahan jenayah, hanya boleh ditangkap, ditahan dan dibicarakan mengikut AKK 2001 (Farah Nini Dasuki, 2007) seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 88 sehingga seksyen 90 (Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007). Seksyen 88 (1) AKK 2001 memperuntukkan bahawa Majisteret hendaklah memastikan bahawa kanak-kanak hadir ke mahkamah dengan ibu bapa atau penjaganya bagi memastikan mereka

berasa selesa dan yakin berada di dalam mahkamah (Yusramizza & Anis Shuhaiza , 2007). Kegagalan ibubapa atau penjaga untuk menghadiri semua peringkat prosiding dianggap telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya (Seksyen 88(2) AKK 2001). Ini bertujuan untuk menjadikan ibu bapa atau penjaga lebih bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku kepada anak mereka (Farah Nini Dasuki, 2007).

Seterusnya, seorang jurubahasa mahkamah hendaklah membaca pertuduhan dengan bahasa yang mudah dan senang difahami oleh kanak-kanak seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 90(1) AKK 2001. Seksyen 90(9) AKK 2001 membenarkan kanak-kanak tersebut memberi keterangan secara bersumpah atau secara pengakuan atau apa-apa pernyataan serta memanggil saksinya sekiranya mahkamah mendapati terdapatnya kes *prima facie*. Mahkamah juga akan membenarkan kanak-kanak tersebut atau peguamnya (jika ada) berhujah untuk meringankan hukuman (Muhammad Ramzee). Kanak-kanak adalah berhak untuk mendapatkan pembelaan dari peguam yang bebas (Farah Nini Dasuki, 2007) dan percuma (Noor Aziah Mohd Awal, 2009). Dalam perkembangan terkini, Jabatan Bantuan Guaman ada menawarkan perkhidmatan untuk mewakili pesalah kanak-kanak yang dipertuduh dengan kesalahan jenayah dalam prosiding di Mahkamah Kanak- Kanak (secara tertutup), atau di Mahkamah Terbuka di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] jika pesalah kanak-kanak dituduh bersama seorang dewasa. Namun kelayakan kepada perkhidmatan tersebut ialah bagi kanak-kanak dari keluarga yang mempunyai sumber kewangan tahunan yang berjumlah RM30,000 dan ke bawah atau melebihi RM30,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 (www.jbg.gov.my, 2017)

Setelah mahkamah mengambilkira dan mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan, mahkamah diberi kuasa untuk memberikan mana-mana perintah atau hukuman tambahan yang terkandung di bawah peruntukan seksyen 91(1) AKK 2001. Walaubagaimana pun, apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang kanak-kanak dan mana-mana perintah yang dikenakan terhadapnya tidak boleh menjadi sebahagian daripada rekod jenayah seperti pesalah dewasa (Sarirah Che Rose, 2011). Sebaliknya sekiranya pihak pendakwa gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah, kanak-kanak yang dituduh tersebut akan dilepas dan dibebaskan (Yusramizza & Anis Shuhaiza , 2007).

Perintah Terhadap Pesalah Kanak-Kanak

Seksyen 91 AKK 2001 telah memperuntukkan beberapa perintah yang akan diberikan kepada pesalah seperti amaran dan melepaskan kanak-kanak, menyempurnakan suatu bon berkelakuan baik, diletakkan dalam pemeliharaan saudara atau orang yang layak dan sesuai, membayar denda, pampasan atau kos, perintah percubaan, dihantar ke sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry Gurney, perintah khidmat masyarakat atau hukuman penjara (jika kanak-kanak berumur empat belas tahun dan ke atas).

Hukuman pemulihan adalah hukuman yang paling sesuai untuk dikenakan terhadap kanak-kanak dalam usaha untuk memulihkan pesalah kanak-kanak namun ia hanya diberikan bagi kes jenayah yang tidak berat (Mohd Al-Adib Samuri et al, 2009). Prinsip pemulihan ini telah menjadi prinsip yang digunapakai oleh sesetengah hakim mahkamah dalam membuat keputusan dalam sesuatu kes yang melibatkan jenayah kanak-kanak. Umpamanya di dalam kes *Teo Slew Peng & 4 Yang lain lwn Pendakwaraya [1985] 2 MLJ 125* di mana Hakim Mahkamah bahawa prinsip pemulihan perlu diambilkira dalam memutuskan sesuatu hukuman yang dikenakan. Hakim di dalam mahkamah ini telah mengangkap prinsip pemulihan terhadap pesalah kanak-kanak tersebut dengan membatalkan hukuman penjara yang diberikan oleh mahkamah bicara

sebelumnya dan menggantikannya kepada bon jaminan berkelakuan baik. Namun Kajian Anita (2008), Samuri & Awal (2009), Darussalam (2010) dan Samuri M.AA (2012) mendedahkan Hakim mempunyai kecenderungan menjatuhkan hukuman berat terhadap pesalah kanak-kanak. Ini kerana Hakim menggunakan teori pencegahan dalam menjatuhkan hukuman iaitu pesalah kanak-kanak akan dihukum dengan hukuman berat bagi mencegah mereka dan anggota masyarakat daripada melakukan kesalahan yang sama pada masa akan datang (Samuri M.AA, 2012).

Peranan Penasihat Mahkamah dalam Melindungi Kanak-Kanak yang Berkonflik dengan Undang-undang

Seksyen 11(2) dan (3) AKK 2001 telah menetapkan komposisi MBKK adalah terdiri daripada seorang Majistret dan hendaklah dibantu dengan dua orang Penasihat yang dilantik oleh Menteri dan salah satunya hendaklah seorang perempuan. Seksyen 11(4) AKK 2001 telah menerangkan fungsi Penasihat MBKK sebagai menasihati mahkamah atau majistret dalam memberikan perintah kepada pesalah kanak-kanak dan jika perlu menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Peruntukan seksyen 11 ini telah menambahbaik fungsi Penasihat MBKK berbanding di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 (Farah Nini Dasuki, 2007). Dalam kes *PP v Ayasamy [1955] 1 MLJ 64* mahkamah menyatakan bahawa antara tugas penasihat adalah untuk memberitahu dan menasihati mahkamah mengenai hukuman atau perlakuan lain terhadap seorang kanak-kanak yang dibawa di hadapannya (Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007).

Walaupun Penasihat MBKK berperanan untuk menasihati mahkamah/majistret MBKK dan majistret perlu untuk mendapatkan dan merekod pendapat setiap penasihat sebelum sesuatu keputusan tentang perintah diberikan kepada pesalah kanak-kanak namun nasihat tersebut tidak mengikat Majistret MBKK untuk mengikutinya (Farah Nini Dasuki, 2007; Muhammad Ramzee). Walaubagaimana pun, majistret perlu untuk merekodkan sebab-sebab beliau tidak bersetuju untuk menerima nasihat atau pendapat Penasihat MBKK tersebut seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 90 (18) AKK 2001.

Dari segi pelaksanaan tugas, kebiasaannya PMBKK akan dipanggil oleh MBKK apabila ada perbicaraan kes kanak-kanak. Ke kerap persidangan adalah bergantung kepada pihak mahkamah dan berbeza-beza mengikut negeri dan daerah. Lazimnya bagi sesebuah daerah besar, persidangan kes lebih kerap dijalankan. PMBKK akan terlibat sepanjang prosiding kes berjalan dan berada di MBKK sehingga perintah dijatuhkan kepada kanak-kanak. PMBKK akan mengemukakan pandangan dan nasihat apabila diminta oleh majistret (Informan 3, 2020).

Kebiasaannya Penasihat MBKK akan dibekalkan dengan laporan akhlak yang disediakan oleh pegawai akhlak beberapa hari lebih awal sebelum perbicaraan kes kanak-kanak (Informan 3, 2020). Seksyen 90 (13) AKK 2001 menerangkan bahawa laporan ini perlu mengandungi apa-apa maklumat mengenai kelakuan kanak-kanak itu, latar belakang kanak-kanak, rekod sekolah dan perubatannya untuk dipertimbangkan oleh penasihat MBKK ketika memberikan nasihat atau pendapat kepada Majistret MBKK. Ini membolehkan Penasihat Mahkamah terlibat secara aktif dengan menyemak laporan yang disediakan oleh pegawai pelindung/kebijakan/akhlak seterusnya menasihati Majistret hasil dari laporan tersebut (S. Anuradha, 2011).

Seterusnya, Penasihat MBKK perlu memaklumkan dan menasihati Majistret MBKK tentang apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan dapatan bersalah atau perlakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan Mahkamah. Sekiranya perlu, PMBKK juga boleh menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Manakala Majistret selepas mendengar khidmat nasihat yang dikemukakan oleh PMBKK

akan membuat pertimbangan untuk menjatuhkan perintah yang bersesuaian (Informan 3, 2020).

Pandangan dan khidmat nasihat yang diberikan oleh PMBKK adalah bergantung kepada kes kanak-kanak tersebut sama ada kanak-kanak adalah mangsa atau yang melakukan sesuatu kesalahan. Antara nasihat yang lazim diberikan oleh PMBKK adalah berkaitan peranan ibu bapa dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak-anak, menasihati dalam aspek perancangan masa depan kanak-kanak sama ada dari segi akademik atau latihan kerjaya, menasihati dalam aspek agama dan kerohanian seperti bersolat, berpuasa, meninggalkan yang tidak baik dan lain-lain, memberikan kesedaran mengenai kesan dan akibat sesuatu perbuatan yang dilakukan yang boleh memudaratkan diri sendiri, keluarga dan masyarakat, menasihati berkaitan risiko terhadap keselamatan dan masa hadapan kanak-kanak, menerangkan sumbangan ibu bapa atau penjaga kepada kesejahteraan kanak-kanak, memberi contoh-contoh positif mengenai ciri-ciri ibu bapa atau penjaga yang sesuai serta teguran berhemah untuk menjadi penjaga yang lebih baik bagi meningkatkan pengetahuan ibu bapa atau penjaga penjaga terhadap perkembangan kanak-kanak (Informan 3, 2020).

Walaupun tiada sebarang garis panduan atau manual berkaitan pelaksanaan dan pemantauan terhadap tugas Penasihat MBKK namun mereka masih terikat dengan peraturan-peraturan mahkamah semasa prosiding berjalan serta perundangan berkaitan dalam memberi pandangan serta nasihat kepada majistret untuk membuat sesuatu keputusan (Informan 3, 2020)

Kesimpulan

Peruntukan berkaitan komposisi Penasihat di dalam MBKK adalah konsisten sejak Ordinan Mahkamah Juvana 1947. Ini menunjukkan peranan penasihat MBKK juga adalah signifikan di dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia dan turut berperanan untuk melindungi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang tersebut. Perhatian mungkin boleh diberikan kepada cadangan bentuk perintah dan nasihat yang akan diberikan kepada Majistret dan kanak-kanak kerana secara praktisnya Penasihat MBKK mempunyai peluang untuk bertanya soalan serta memberikan nasihat kepada kanak-kanak. Maka nasihat berkaitan bentuk perintah kepada Majistret sebaik-baiknya mestilah mempertimbangkan aspek pemulihan pesalah selepas mengambilkira laporan yang diberikan oleh pegawai akhlak atau maklumat lain yang diperolehi ketika sesi soal jawab dengan kanak-kanak ketika prosiding berjalan.

Walaupun nasihat penasihat MBKK tidak mengikat Majistret untuk mengikutinya, namun penasihat MBKK adalah berperanan untuk melindungi kanak-kanak di dalam mahkamah. Beberapa penambahbaikan perlu dilakukan antaranya dengan mewujudkan manual panduan berkaitan mekanisme pelaksanaan tugas yang jelas serta latihan berkala kepada penasihat MBKK bagi membolehkan mereka berfungsi dengan lebih berkesan sekaligus menambah wibawa serta meningkatkan professionalism mereka. Ini adalah penting bagi memastikan seorang kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang itu dapat diadili dengan baik.

Penghargaan

Artikel ini adalah salah satu hasil dari penyelidikan yang sedang dilakukan oleh penyelidik di bawah dana Geran Penyelidikan Sekunder (GPS) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2019/P/GPIK/GPS-007.

Rujukan

- Aminuddin Mustaffa. 2016. Diversion under Malaysian Juvenile Justice System: a Case of Too Little Too Late? *Asian Criminology*. Jil 11: 135-151.
- Farah Nini Dasuki. 2007. Perkembangan Mahkamah bagi Kanak-kanak di Malaysia, Pentadbiran Keadilan-Artikel Terpilih. Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia. Bil 3, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Informan 3. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga. Temubual 8 September 2020.
- Informan 6. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri. Temubual 30 September 2020.
- Jaafar Abdul Wahid. 1978. *The Treatment of Juvenile Delinquents and Youthful Offenders in Malaysia*. 116-119.
- Muhammad Ramzee Abdul Razak. The Juvenile Justice System In Malaysia. 164th International Training Course.
- Noor Aziah Mohd Awal. 2009. Hak kanak-kanak di Malaysia: Ke Arah Mana? 2 MLJ lxxxvii. 1-21.
- Sarirah Che Rose. 2011. Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi. *Voice of Academia*. 109-124.
- UNICEF Report. The Malaysian Juvenile Justice: A Study on Mechanisms for Handling Children in Conflict with the Law. 2013.
- Wafa Yusof. Kedudukan Kanak-Kanak Yang Berkonflik Dengan Undang-undang dan Perundangan Jenayah Di Malaysia.
<http://www.jbg.gov.my/index.php/ms-my/bantuan-guaman/kelayakan-untuk-mendapat-bantuan-guaman>. Diakses pada 15 Nov 2020.
- Yusramizza Md Isa & Anis Shuhaiza Md Salleh. 2007. Kewajaran Mahkamah bagi Kanak-kanak di Malaysia. *Journal of Ethics, Legal and Governance (REKAYASA)*, 3: 61-67.

Dokumen Perundangan/Statut

- Akta Kanak-kanak 2001
Akta Mahkamah Juvana 1947
Akta Mahkamah Keadilan 1964
Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009
Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017

Kes

- PP v Ayasamy* [1955] 1 MLJ 64
Teo Slew Peng & 4 Yang lain lwn Pendakwaraya [1985] 2 MLJ 125

Konvensyen Antarabangsa

- Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (KHKK)